

16/03/1997

Tiada halangan kerja di Singapura

KANGAR: Kerajaan tidak menghalang rakyat untuk bekerja di Singapura jika mereka berpendapat pendapatan yang diterima di negara itu lebih lumayan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, walaupun kerajaan serta rakyat membantah kenyataan Menteri Kanan negara itu, Lee Kuan Yew, yang memburukkan Johor, pekerja Malaysia di republik berkenaan bebas membuat pilihan sama ada untuk terus bekerja di sana atau kembali ke tanah air.

"Kita bebas untuk bekerja di mana sahaja. Jika mereka berpendapat mereka dapat pendapatan lebih di Singapura, kita tak halang dan jika mahu balik kita juga tidak menghalang," katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan bercadang memanggil rakyat Malaysia yang bekerja di negara itu berikutan kontroversi terbaru yang membabitkan hubungan kedua-dua negara.

Kontroversi terbaru itu timbul apabila Lee dalam affidavit bersumpahnya pada 27 Januari lalu berhubung kes saman malu terhadap bekas calon pembangkang republik itu, Tang Liang Hong, antara lain menyebut Johor sebagai negeri `yang terkenal dengan kejadian tembak menembak, samun, dan merampas kereta.'

Berikutan itu, Kabinet yang bermesyuarat minggu lalu meminta Lee memohon maaf dan menarik balik kenyataan negatifnya mengenai Johor yang dianggap boleh merosakkan hubungan kedua-dua negara.

Khamis lalu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek menasihatkan rakyat Malaysia yang bekerja di negara itu supaya kembali di tanah air kerana sumbangan mereka tidak dihargai.

Menurut Lim, mereka tidak perlu terus menyumbang tenaga di negara itu semata-mata kerana gaji yang lebih sedikit berbanding di negara ini, sedangkan Lee menghina Malaysia.

Mengenai sama ada kerajaan menerima maklum balas secara rasmi daripada kerajaan Singapura selepas menghantar bantahan rasmi kepada negara itu, Dr Mahathir berkata, beliau perlu merujuk kepada Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri juga enggan mengulas lanjut mengenai kontroversi itu sehingga ia dibincangkan sekali lagi dalam mesyuarat jemaah menteri akan datang.

(END)